

**Institut Teknologi MARA
Melaka**

Asas Keusahawanan (ETR 300)

Disediakan untuk

**Encik Ahmad Naqiuddin
Pensyarah ETR 300
ITM Melaka**

Disediakan Oleh

**Muhammad Akmal Abd. Rahman
96706164**

**Mohd. Fauzan Abu Bakar
96750431**

**Mohd. Syukree Hj. Aziz
96572338**

**Saiful Azrin Mohammed Saaid
96444600**

DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM (05)
TERMITE VISION CENTER
Institut Teknologi MARA
KM 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
MELAKA BANDARAYA BERSEJARAH

20 OGOS 1998

EN. AHMAD NAQIYUDDIN
Pensyarah Asas Keusahawanan (ETR 300)
Institut Teknologi MARA
KM 26 Alor Gajah
MELAKA BANDARAYA BERSEJARAH

Tuan,

LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN TERMITE VISION CENTER


Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa kami pelajar-pelajar DPA dari kumpulan 5A telah menyediakan Laporan Rancangan Perniagaan kami yang bertajuk TERMITE VISION SDN.BHD. bagi memenuhi keperluan kursus bagi mata pelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300).

2. Laporan telah disediakan sepenuhnya dengan berpandukan arahan, peraturan, tatacara dan prosedur yang telah di berikan. Kami memilih konsep perniagaan ini kerana ianya mempunyai potensi kemajuan dalam perniagaan yang memberi keuntungan kepada kedua-dua pihak iaitu pihak pengguna dan pihak perniaga malahan secara lansung memberi keuntungan kepada pihak kerajaan.
3. Penyerahan laporan ini dibuat selewat-lewatnya pada atau sebelum 10 Oktober 1998. Dengan ini kami menyerahkan laporan rancangan perniagaan ini dan kami bersedia untuk memberi sebarang maklumat tambahan yang diperlukan dan kami berharap pihak Tuan berpuas hati dengan laporan Rancangan Perniagaan ini.

Segala pertimbangan, kerjasama dan jasa baik dari pihak tuan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Yang benar,

.....
(MOHAMMAD AKMAL BIN ABD.RAHMAN)
PENGURUS BESAR TERMITE VISION CENTER



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 3hb. Julai 1998 Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Surat Tuan: Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Surat Kami: Telefax: 06-563963 06-5591067
100-CM(AKA 37/B)

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Mohd. Akmal Abd. Rahman	96706164
2.	Mohd. Fauzan Abu Bakar	96750431
3.	Mohd. Syukree Hj. Aziz	96573338
4.	Saiful Azrin Mohamed Saaid	96444600

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarluaskan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

ROZALLI HASHIM
Ketua Kursus DPA
ITM Melaka.
b/p Pengetua

PENGENALAN

VCD dan LD merupakan 2 media elektronik yang semakin mendapat sambutan di pasaran sekarang. Ini kerana dengan perkembangan teknologi masa kini yang menjadi salah satu punca utama yang meningkatkan permintaan terhadap VCD dan LD.

VCD mendapat sambutan yang semakin menggalakkan kerana mutunya lebih baik berbanding Pita Video. VCD juga boleh dimainkan dengan menggunakan komputer dengan itu para pengguna komputer tidak perlu membazir wang ringgit mereka semata-mata untuk membeli VCD Player.

LD mempunyai saiz yang lebih besar berbanding VCD. LD juga mempunyai mutu yang hebat berbanding pita video. Walaupun harganya lebih mahal berbanding VCD namun ia mempunyai peminat tersendiri.

Perniagaan VCD dan LD ini boleh dijalankan di pusat/ kompleks membeli-belah dan dikawasan-kawasan perumahan ini kerana perniagaan ini mempunyai prospek yang luas dan masa depan yang cera.